

Benteng terakhir bahasa Melayu di UA

Komentari



**Prof Emeritus Datuk
Dr Ibrahim Komo**

Felo Penyelidik Utama

Institut Alam Sekitar dan
Pembangunan, Universiti
Kebangsaan Malaysia (LESTARI-
UKM) dan Ahli Jawatankuasa
Tetap Bahasa Melayu, Dewan
Bahasa dan Pustaka (DBP)

Sebelum Bicara Persada mengenai Peranan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi dimulakan di Dataran Canselori Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), lagu *Bahasa Jiwa Bangsa* dinyanyikan. Ia membawa nostalgia kepada warga berusia lebih 60 tahun, kerana saban masa didendangkan ketika perhimpunan mingguan di sekolah.

Pembicara diundang, mantan Naib Canselor (NC), Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak; Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Datuk Zainal Abidin Borhan dan saya sebagai wakil tuan rumah.

Sebagai pembuka bicara, moderatornya, Sayed Munawar Sayed Mustar bertanyakan 'penggunaan bahasa Melayu di universiti awam (UA), apakah terpahat atau terpinggir? Pertanyaan amat tajam dan memerlukan jawapan bijaksana. Kenyataannya dalam Perlembagaan dan Dasar Pendidikan Negara, ia seperti terpahat, tetapi bagaimana pula kedudukannya dari perspektif pelaksanaannya?

Kita sedar, bahasa Melayu dan banyak bahasa ibunda bangsa lain dilanda arus globalisasi ke arah kepupusan. Arus ini membawa bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi global, perdagangan dan ilmu. Jika negara ingin maju, berdaya saing dan dihormati, kita tiada pilihan, selain

menggunakan bahasa Inggeris.

Mungkin banyak kebenaran kata-kata ini, cuma persoalannya patutkah dengan meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris, kita meminggirkan bahasa ibunda sendiri?

Jati diri bangsa

Ramai berpendapat, memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bermula daripada pembudayaan jati diri Melayu. Kita diperkenalkan pegangan adat, adab dan budi. Budi mempunyai makna mendalam meliputi wawasan akal budi, budi bahasa, budi pekerti, budiman dan pelbagai pedoman berkait budi. Jelasnya, konsep budi mulai terhakis daripada masyarakat Melayu, justeru akan berakhirlah jati diri bangsa, termasuk bahasanya.

Ada pandangan menyatakan, bangsa Melayu ialah masyarakat pengikut, bukannya peneraju. Apa sahaja datang dari dunia globalisasi, dianggap baik dan benar. Kita perlu menerimanya, jika mahu terus hidup dan bersaing.

Oleh itu, sebahagian bangsa Melayu, tanpa segan silu dan rasa bersalah, sanggup meninggalkan budaya dan bahasanya, lantas menginggerikan kehidupan seharian, manakala aliran lain pula, mereka mengarabkan keluarga.

Dalam konteks pembangunan ilmu sains dan teknologi, saya berasakan nasi sudah hampir menjadi bubur. Kita bukan mempersoalkan apakah bahasa Melayu terpahat atau terpinggir, tetapi sedang berusaha membendung daripada fenomena kepupusan.

Mengambil contoh penerbitan di Sains Malaysiana, satu-satunya jurnal tempatan dwibahasa berindeks Web of Sciences (WoS), jika jumlah makalah berbahasa Melayu pada 2009 masih pada tahap 43 peratus, kini pada 2015, jumlahnya tinggal empat peratus saja! Tren sama ditunjukkan dalam urusan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Saya mengesyorkan, UA memperkenalkan dasar memperkasa Bahasa Melayu Ilmu Tinggi (BMIT) sebagai benteng terakhir mempertahankan akal budi dan keserjanaan Melayu di tanah air.

Kita perlu bezakannya dengan bahasa ilmu dalam pendidikan sekolah. BMIT bermaksud bahasa digunakan untuk menyampaikan syarahan, pembentangan kertas dalam seminar dan persidangan, menulis laporan ilmiah termasuk hasil penyelidikan dan tesis serta tulisan buku dan jurnal ilmiah. Ringkasnya, bahasa untuk meneroka, membangun dan menyampaikan ilmu baharu.

Jika berhasrat menjadi negara maju, kita perlu mendahulukan pembangunan ilmu dan teknologi dengan menggunakan budi, minda dan bahasa sendiri. BMIT, asas usaha murni berstrategi ini. Negara jiran yang berjaya seperti China, Jepun dan Korea, serta

yang sedang bergerak maju seperti Thailand, Indonesia serta Vietnam, melakukan perkara sama.

Walaupun mereka sedar kemahiran berbahasa Inggeris penting untuk bersama warga global, wawasan membangun ilmu bertekankan bahasa ibunda tidak pernah diabaikan. Hanya sumber ilmu tersimpan dalam ekosistem akal budi masyarakat, mampu membina tamadun bangsa dan mempertahankan keupayaan bersaing negara.

UKM perkasa BMIT

UKM dengan pengalaman lebih 46 tahun memperkasa BMIT, boleh mempelopori usaha kritikal ini. Semua UA, sama ada yang matang atau sedang membangun boleh bersepakat menyusuli wawasan ini. Majlis Bahasa Melayu Ilmu Tinggi Universiti Awam (MBIT-UA) perlu diwujudkan bagi menentukan dasar, strategi dan pelan tindakan untuk memastikan pelaksanaan berterusan.

Bayangkan jika semua UA menyampaikan program pengajian, penyelidikan dan pemindahan ilmu disampaikan dalam bahasa ibunda, tiada siapa dapat ragui lagi keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi.

Dalam melaksanakan dasar ini, peranan UA sebagai pemain global, pastinya disampaikan dalam pelbagai bahasa ilmu dunia, perlu terus diperkasa dan ditingkatkan kecemerlangannya.